



KULIM (MALAYSIA) BERHAD

POLISI TIADA HADIAH DAN KERAIAN

Kulim sentiasa berusaha menerapkan serta memperkukuhkan nilai-nilai integriti dan mengamalkan sikap amanah didalam segala urusan atau perniagaannya berteraskan kepada prinsip Amal Makruf Nahi Mungkar.

Untuk itu Kulim melaksanakan “Polisi Tiada Hadiah dan Keraian” yang berkuatkuasa serta-merta. Melalui polisi ini :

- ❖ Anggota pekerja Kulim tidak dibenarkan menerima sebarang hadiah atau keraian yang bersifat peribadi daripada mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan perniagaan atau urusan rasmi dengannya.
- ❖ Anggota pekerja tidak dibenarkan memberi apa-apa hadiah atau keraian yang berbentuk peribadi kepada mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan perniagaan atau urusan rasmi dengannya.
- ❖ Walau bagaimanapun hadiah dalam bentuk cenderahati korporat atau keraian yang bukan bersifat peribadi kepada mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan perniagaan atau urusan rasmi yang sah adalah dibenarkan.

Polisi ini adalah bertujuan untuk mengelakkan daripada timbulnya sebarang konflik kepentingan peribadi atau wujud sebarang persepsi berkaitan konflik kepentingan peribadi yang melibatkan mana-mana pihak dalam sebarang urusan perniagaan atau urusan rasmi dimasa akan datang antara Kulim dengan pihak-pihak tersebut.

Diluluskan Oleh:

ZULKIFLY ZAKARIAH

Pengarah Eksekutif

01 Mei 2018